

Pangkalan data selaras bantuan miskin bandar

Satu pangkalan data penerima bantuan berpusat yang boleh dicapai semua agensi akan diwujudkan supaya agihan bantuan kepada golongan miskin bandar dapat diselaraskan dengan lebih berkesan dan sampai kepada golongan sasar. Ia antara tujuh resolusi diluluskan Persidangan Meja Bulat Menyantuni Kemiskinan Bandar anjuran Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) semalam dan akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Khas Kabinet Menangani Kemiskinan yang dipengerusikan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, awal tahun depan. **Muka 6**



MAIWP bina pangkalan data bantu miskin bandar

Agihan bantuan kepada golongan sasar lebih mapan, sistematik

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Satu pangkalan data penerima bantuan berpusat atau analisis data raya dan latihan yang boleh diakses semua agensi berkaitan akan diwujudkan supaya agihan bantuan kepada golongan miskin bandar dapat diselarasakan.

Pembangunan pangkalan data itu antara tujuh resolusi diluluskan dalam Persidangan Meja Bulat bertajuk Menyantuni Kemiskinan Bandar anjuran Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) semalam.

Resolusi itu akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Khas Kabinet Menangani Kemiskinan yang dipengerusikan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, awal tahun depan.

MAIWP mengadakan persidangan itu susulan laporan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) bertajuk *Families On The Edge* yang menyentuh mengenai keluarga berpendapatan rendah di Kuala Lumpur yang terjejas teruk akibat krisis COVID-19.

Laporan berkenaan mengkaji impak COVID-19 kepada keluarga berpendapatan rendah yang mengambil sampel daripada 530 keluarga yang tinggal di projek



Zulkifli menyaksikan pertukaran resolusi antara Abdul Aziz (kiri) dan Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pembangunan Ekuiti, EPU Jabatan Perdana Menteri, Mohd Zainal Othman pada perasmian Persidangan Meja Bulat anjuran MAIWP di Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

perumahan rakyat (PPR) di ibu kota.

Pengerusi Persidangan Meja Bulat merangkap Ahli MAIWP, Tan Sri Dr Abdul Aziz Abdul Rahman, berkata persidangan meja bulat itu diadakan bertujuan mengkaji dan meneliti keberkesanan agihan bantuan yang lebih mapan dan bersistematik agar sampai kepada golongan sasar.

Beliau berkata, antara resolusi lain ialah mengkaji semula kemiskinan daripada pelbagai dimensi, yang mana tahap kemiskinan diukur berdasarkan jumlah pendapatan keluarga yang ditolak jumlah kadar kecukupan sara hidup keluarga berkenaan dalam sebulan.

Kerjasama strategik antara agensi kerajaan, swasta dan su-

karelawan juga akan dirumus bagi menyelaraskan pengagihan bantuan kepada golongan sasar supaya tiada pertindihan, keciciran serta lebih cekap dan produktif.

Turut dinyatakan dalam resolusi ialah membangunkan kawasan sekitar masjid berkonsepkan Bandar Islamik yang mengandungi komponen pembangunan seperti pusat perniagaan serta perumahan untuk asnaf, B40 dan muafaf untuk menaikkan taraf hidup mereka.

Usaha juga disusun untuk meningkatkan hasil pencapaian yang berkualiti dan berkekalan melalui pendekatan yang lebih fokus kepada individu dan akan dibuat dengan mengambil kira keperluan untuk mencapai hasil

yang berkualiti dan berkekalan yang akan mengurangkan kos pengurusan.

Selain itu, dalam usaha membasmi kemiskinan dan mengurangkan ketidakseimbangan, penekanan akan diberikan kepada aspek keusahawanan, pendidikan dan latihan serta mengenal pasti punca utama kemiskinan dan menggunakan dasar wakaf dalam membasmi kemiskinan mengikut Maqasid Syariah.

Selain MAIWP, agensi lain dalam persidangan itu ialah Unit Perancang Ekonomi (EPU), Unit Penyelaras dan Pelaksanaan (ICU), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pejabat Pembangunan Negeri Wilayah Persekutuan dan Yayasan Wilayah Persekutuan.

Agensi agama peringkat Persekutuan yang turut terbabit adalah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Yayasan Wakaf Malaysia dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri yang merasmikan persidangan meja bulat itu berkata, resolusi berkenaan bakal diperhalusi sebelum dilaksanakan menerusi projek perintis dalam masa terdekat.

Katanya, adalah penting untuk menilai semula tahap dan mengenal pasti punca kemiskinan dengan lebih kerap susulan perubahan situasi terutama selepas negara dilanda COVID-19.